

**INTERVENSI AWAL BAHASA ISYARAT TERHADAP PENGUASAAN KOD
TANGAN BAHASA MELAYU (KTBM) DALAM KALANGAN KANAK-KANAK
BERMASALAH PENDENGARAN**

LOW LEE KEAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

ABSTRAK

Objektif kajian ini ialah untuk meneliti penguasaan Kod Tangan Bahasa Melayu dan Bahasa Isyarat Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak bermasalah pendengaran di peringkat intervensi awal. Reka bentuk penyelidikan kualitatif dipilih untuk menjawab dua persoalan kajian. Dua set instrumen telah digunakan untuk memperolehi maklumat penguasaan Bahasa Melayu dan faktor yang mempengaruhinya. Seramai lima orang kanak-kanak bermasalah pendengaran, empat orang guru dan tiga orang ibu bapa dipilih menjadi responden melalui teknik persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid bermasalah pendengaran yang menguasai bahasa isyarat Kod Tangan Bahasa Melayu mempunyai penguasaan Bahasa Melayu yang lebih baik berbanding murid-murid bermasalah pendengaran yang menguasai Bahasa Isyarat Malaysia. Kajian juga mendapati faktor ibu bapa, diri murid, guru dan persekitaran mempengaruhi penguasaan Kod Tangan Bahasa Melayu. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa intervensi awal bahasa isyarat Kod Tangan Bahasa Melayu dan faktor ibu bapa, diri murid, guru dan persekitaran membantu penguasaan bahasa kanak-kanak bermasalah pendengaran. Kajian yang lebih komprehensif perlu dilaksanakan di peringkat yang lebih tinggi untuk melihat kesan program intervensi awal terhadap penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak bermasalah pendengaran.



BAHASA MELAYU HAND CODED AND MALAYSIAN SIGN LANGUAGE ACQUISITION OF HEARING IMPAIRED STUDENTS AT EARLY INTERVENTION

ABSTRACT

The objective of the study is to examine the acquisition of Bahasa Melayu hand coded and Malaysian Sign Language of hearing impaired children and the factors that influencing the acquisition of Malay language at early intervention. A qualitative research design was chosen to answer two research questions. Two sets of instruments have been used to obtain information of proficiency and factors that influence it. Five children with hearing problems, four teachers and three parents were selected as the respondents through purposive sampling technique. The findings show that pupils with hearing problems who mastered Bahasa Melayu hand coded have better acquisition of Bahasa Melayu as compared to those who acquired Malaysian Sign Language. The study also found that the parents, pupils, teachers and environmental factors have an impact on the acquisition of Bahasa Melayu hand coded. The implications of this study show that early intervention of Bahasa Melayu hand coded and the parents, pupils, teachers and environmental factors do help in the language proficiency of children with hearing problems. A more comprehensive study should be undertaken at a higher level to see the impact on an early intervention program for Malay language acquisition of hearing impaired children.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN KEASLIA	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Kerangka Teori	12
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Signifikan Kajian	18
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	19
1.8 Definisi Operasional	20
1.8.1 Bermasalah Pendengaran	20
1.8.2 Bahasa Isyarat	23
1.8.2.1 Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM)	24
1.8.2.2 Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)	25

1.8.3 Intervensi Awal	26
1.9 Kesimpulan	28

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 29

2.0 Pengenalan	29
2.1 Perkembangan Bahasa	30
2.1.1 Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak Kurang Upaya	39
2.2 Kajian Berkaitan Program Intervensi Awal	43
2.3 Kajian Berkaitan Bahasa Isyarat	53
2.4 Kajian Berkaitan Perkembangan Bahasa Dalam Kalangan Kanak-Kanak Bermasalah Pendengaran.	62
2.5 Kesimpulan	72

BAB 3 METODOLOGI 73

3.0 Pendahuluan	73
3.1 Reka Bentuk Kajian	74
3.2 Lokasi Kajian	77
3.3 Persampelan Kajian	79
3.3.1 Kanak-kanak Bermasalah Pendengaran	81
3.3.2 Guru Pendidikan Khas	82
3.3.3 Ibu Bapa Kanak-kanak Bermasalah Pendengaran	83
3.4 Instrumen Kajian	84
3.4.1 Soalan Temu Bual	84
3.4.2 Senarai Semak Ujian Perkembangan Bahasa Melayu	85
3.4.3 Senarai Semak Pemerhatian	86
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	87
3.5.1 Pengkaji Sebagai Alat Kajian	88

3.5.2 Prosedur Temu Bual	90
3.5.3 Prosedur Pemerhatian	95
3.5.4 Prosedur Analisis Dokumen	101
3.6 Penganalisan Data	102
3.6.1 Analisis Temu Bual	102
3.6.2 Analisis Semasa Pengumpulan Data	106
3.6.3 Analisis Selepas Pengumpulan Data	109
3.7 Kajian Rintis	112
3.7.1 Pentadbiran Kajian Rintis	113
3.7.2 Keputusan Kajian Rintis	114
3.7.3 Penambahbaikan Pentadbiran Temu Bual	115
3.8 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian	116
3.9 Etika Kajian	121
3.10 Kesimpulan	122
BAB 4 DAPATAN	124
4.0 Pendahuluan	124
4.1 Profil Informan	125
4.1.1 Informan Bagi Murid	125
4.1.1.1 Murid 1	125
4.1.1.2 Murid 2	126
4.1.1.3 Murid 3	128
4.1.1.4 Murid 4	129
4.1.1.5 Murid 5	130
4.1.2 Informan Bagi Guru	132
4.1.3 Informan Bagi Ibu Bapa	134

4.2 Persekitaran Tempat Kajian	135
4.3 Pandangan Umum Tentang Data Kajian	137
4.3.1 Persoalan Kajian 1: Sejauhmanakah Penguasaan KTBM Dan Bahasa Isyarat Malaysia Di Peringkat Intervensi Awal Terhadap Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Bermasalah Pendengaran Di Peringkat Intervensi Awal?	137
4.3.2 Persoalan Kajian 2: Apakah Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kanak-kanak Bermasalah Pendengaran Menguasai KTBM Di Peringkat Intervensi Awal?	146
4.3.2.1 Ibu Bapa	146
4.3.2.2 Diri Murid	149
4.3.2.3 Guru	150
4.3.2.4 Persekitaran	153
4.3.3 Persoalan Kajian 3: Apakah Program Intervensi Awal Yang Membantu Perkembangan KTBM Dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Pendengaran?	156
4.4 Rumusan Dapatan	159
4.5 Kesimpulan	162
BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN	163
5.0 Pendahuluan	163
5.1 Rumusan Hasil Kajian	164
5.2 Perbincangan Hasil Kajian	166
5.2.1 Penguasaan KTBM Dalam Perkembangan Bahasa Melayu	166
5.2.2 Penguasaan BIM Dalam Perkembangan Bahasa Melayu	168
5.2.3 Faktor Ibu Bapa Dalam Kecenderungan Menguasai KTBM	169
5.2.4 Faktor Diri Murid Dalam Kecenderungan Menguasai KTBM	170

5.2.5 Faktor Guru Dalam Kecenderungan Menguasai KTBM	172
5.2.6 Faktor Persekitaran Dalam Kecenderungan Menguasai KTBM	173
5.2.7 Program Intervensi Awal Membantu Perkembangan KTBM	174
5.3 Implikasi Dapatan Kajian	176
5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Murid	176
5.3.2 Implikasi Kajian Kepada Guru	177
5.3.3 Implikasi Kajian Kepada Ibu Bapa	178
5.3.4 Implikasi Kajian Kepada Pentadbir Sekolah	180
5.3.5 Implikasi Kajian Kepada Penggubal Dasar	180
5.3.6 Implikasi Kajian Kepada Organisasi Bukan Kerajaan	182
5.4 Sumbangan Dapatan Kajian	183
5.5 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	183
5.6 Kesimpulan	186
RUJUKAN	187
LAMPIRAN A: Ujian Perkembangan Bahasa Melayu	202
LAMPIRAN B: Soalan Temu Bual	207
LAMPIRAN C: Senarai Semak Pemerhatian Guru	210
LAMPIRAN D: Senarai Semak Pemerhatian Murid	212
LAMPIRAN E: Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian	214

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Perkembangan Pemerolehan Bahasa Dalam Kalangan Kanak-Kanak Bermasalah Pendengaran	31
3.1	Penambahbaikan Soalan Temu Bual	116
3.2	Formula Pengiraan Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa	119
3.3	Nilai Persetujuan Cohen Kappa	120
4.1	Profil Informan Murid	131
4.2	Keputusan Ujian Kosa Kata Dan Ayat Pendek Tahun 1	131
4.3	Profil Informan Guru	133
4.4	Profil Informan Ibu Bapa	135
4.5	Keputusan Ujian Kosa Kata	145
4.6	Keputusan Ujian Ayat Pendek	146
4.7	Rumusan Dapatan Kajian	161

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Teori Kajian	16
3.1	Proses Analisis Data Temu Bual	106



SENARAI SINGKATAN

KTBM	Kod Tangan Bahasa Melayu
BIM	Bahasa Isyarat Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
SEE	Sign Exact English
ASL	American Sign Language
YMCA	Youth Malaysia Church Association
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
NGO	Non Government Organization

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahasa adalah sistem komunikasi antara golongan masyarakat yang merupakan simbol atau kod bunyi yang dihasilkan oleh alat artikulasi manusia. Dalam Kamus Dewan Edisi-4 (2007) telah mendefinisikan bahasa sebagai satu lambang bunyi atau nada yang diucapkan atau dikatakan melalui bentuk perkataan atau ucapan.

Bangsa yang berlainan akan menggunakan bahasa yang berlainan dalam kehidupan mereka. Sebagai contohnya di negara Malaysia, rakyatnya terdiri daripada kaum yang berbeza antaranya seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, dan sebagainya. Bahasa yang biasa digunakan dalam kalangan kaum ini sewaktu berhubung di antara satu sama lain adalah Bahasa Melayu yang juga dikenali sebagai Bahasa Kebangsaan Malaysia. Selain daripada Bahasa Melayu, kaum-kaum ini juga mempraktikkan bahasa ibundanya di antara ahli keluarganya mahupun sesama kawan-

kawan yang boleh menggunakan dialek tersebut untuk berkomunikasi. Bagi golongan

yang mengalami masalah pendengaran, bahasa isyarat telah dipraktikkan sebagai alat untuk berkomunikasi sesama mereka mahupun dengan orang ramai yang memahami bahasa isyarat. Ini disebabkan masalah atau kerosakan alat pendengaran yang dialami oleh mereka yang seterusnya menjejaskan fungsi pendengaran dan pertuturan mereka seperti orang tipikal (Mohd Zuri & Aznan, 2012). Pelbagai jenis bahasa isyarat telah dipraktikkan dalam kalangan orang yang mengalami masalah pendengaran di Negara Malaysia. Di antaranya seperti Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM), Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), Bahasa Isyarat Pasar, dan Bahasa Badan (*Body Language*). Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pengaruh faktor-faktor persekitaran, latar belakang keluarga, serta tahap pendidikan.

Di Malaysia, statistik menunjukkan dalam setiap 5000 kelahiran, seorang bayi telah dikenalpasti mengalami masalah pendengaran (Roslan Othman, 2003). Pendengaran memainkan peranan yang penting dalam perkembangan linguistik, kognitif, dan sosial emosi seseorang. Deria ini dapat membantu seseorang untuk menguasai dan bertutur seperti orang ramai. Kerosakan pendengaran akan mengakibatkan kesukaran kepada seseorang untuk berkomunikasi, belajar dan menyesuaikan diri dalam aspek bersosial. Kelambatan dalam perkembangan pertuturan dan bahasa akan menyebabkan seseorang yang mengalami masalah pendengaran tidak dapat berfikir seperti golongan yang normal pendengaran dan seterusnya menyebabkan perkembangan akal terbantut (Mohd Zuri & Aznan, 2012).

Di samping itu, kesan negatif dalam bidang penguasaan dan perkembangan bahasa akan wujud pada seseorang individu yang mengalami masalah pendengaran. Ini adalah disebabkan oleh manusia memerolehi pengetahuan dan kemahiran bahasa dari

pengalaman yang dialami dari persekitaran harian mereka sejak lahir (Akhtar, 2005).

Sekiranya tindakan awal dalam mengurangkan ketidakupayaan tidak dilaksanakan seawal mungkin, maka kelambatan penguasaan bahasa akan menjadi semakin besar jurangnya jika berbanding dengan golongan yang tipikal.

Seperti pepatah yang mengatakan “Melentur buluh biar dari rebung”. Bagi mengukuhkan bidang bahasa kanak-kanak bermasalah pendengaran, kita harus mula mengambil tindakan yang sepatutnya bagi membantu perkembangan bidang bahasa kanak-kanak bermasalah pendengaran seawal mungkin. Justeru itu, maklumat tentang penyediaan perkhidmatan atau program yang dapat membantu kanak-kanak bermasalah pendengaran harus disebar dan dikembangkan. Terdapat pelbagai perkhidmatan yang telah ditawarkan oleh pihak kerajaan mahupun pihak *non government organization* (NGO). Sebagai contohnya perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan meliputi penilaian awal, rawatan dan pemulihan perubatan. Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pula menyediakan perkhidmatan yang tertumpu kepada aspek kebajikan. Perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan kepada kanak-kanak kurang upaya adalah penyediaan program pendidikan khas dari peringkat prasekolah. Manakala perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh badan-badan *Non Government Organization* (NGO) pula melibatkan pelbagai aspek seperti latihan dan pemulihan, bimbingan dan sokongan kepada individu, keluarga dan komuniti (Cheang, 2006).

Golos (2006) mengatakan bahawa lebih awal pendedahan bahasa pada seseorang individu, maka pencapaian dalam bahasanya adalah lebih baik jika

berbanding dengan individu yang lambat pendedahan bahasa. Bagi membantu perkembangan bahasa dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran, langkah pertamanya adalah pengesanan masalah pendengaran bagi seseorang bayi yang mengalami masalah pendengaran. Kini dengan bantuan peralatan yang canggih serta teknik rawatan yang sentiasa diperbaharui seperti Universal Newborn Hearing Screening, pengesanan tentang masalah pendengaran pada seseorang individu dapat diperawalkan lagi iaitu 3 bulan pertama selepas kelahiran (Mohd Zuri & Aznan, 2012). Lantaran itu program-program untuk membantu insan yang bermasalah pendengaran ini dapat dirancang dan dilaksanakan berdasarkan keperluan khususnya. Program yang dikatakan tersebut adalah program intervensi awal.

1.1 Latar Belakang Kajian

Program intervensi awal adalah satu sistem bersepadu dan menyeluruh dari segi program perkhidmatan, dan sumber-sumber yang direka khas untuk memenuhi fizikal, intelektual, bahasa, pertuturan, keperluan sosial dan emosi kanak-kanak dari lahir hingga tiga tahun yang telah dikenalpasti sebagai mempunyai kelewatan perkembangan atau mempunyai risiko untuk kelewatan perkembangan (Ramadan, 2010). Ia juga dikatakan sebagai satu program yang bermatlamat untuk mengelakkan kurang upaya tambahan pada seseorang kanak-kanak dengan menyediakan sokongan kepada mereka pada umur yang sangat muda dan bukannya untuk mengubati kecacatannya (Takala, Kuusela, & Takala, 2000). Tempoh keemasan untuk melaksanakan program intervensi awal ini kepada seseorang individu adalah sejak lahir hingga tiga tahun, sekiranya terlepas peluang kritikal ini, ia dikatakan akan

mendatangkan kesan dalam perkembangan linguistik, kognitif, dan sosial emosi

(Anderson, 2011).

Menurut Ramadan (2010), setelah masalah pendengaran bagi seseorang kanak-kanak disahkan, satu kumpulan yang terdiri daripada ahli-ahli profesional yang berpengalaman seperti terapis audiologi, terapis pathologi, dan guru yang mengajar kanak-kanak bermasalah pendengaran akan menghulurkan bantuan serta sokongan. Bantuan dan sokongan tersebut adalah ditujukan kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran serta keluarganya dalam menangani masalah yang dihadapi oleh mereka. Di samping itu, melalui program ini ibu bapa akan lebih mengenali kekuatan dan keperluan yang diinginkan oleh anak-anak mereka. Dalam program intervensi awal, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membuat keputusan terhadap isu-isu menentukan apa yang terbaik untuk anak-anak mereka. Melalui keputusan yang ditentukan oleh ibu bapa kanak-kanak tersebut, program yang disediakan dapat membantu mereka mengatasi masalah yang dihadapi pada masa kini mahupun masa yang akan datang.

Sementara itu, anggota-anggota profesional yang terlibat dalam program intervensi awal juga memainkan peranan yang penting dalam memberikan kerjasama kepada ibu bapa kanak-kanak pekak dan bermasalah pendengaran. Kerjasama yang diberikan oleh mereka akan menyokong dan membantu membina keyakinan dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak tersebut terhadap aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan kepada anak-anak mereka bagi tujuan untuk perkembangan kanak-kanak tersebut (McWilliam & Scott, 2001). Ibu bapa berpendapat bahawa kemahiran dan penglibatan

golongan profesional ini dalam program intervensi awal akan memberikan kesan yang penting dalam pembelajaran bahasa pada anak-anaknya (Desjardin, 2006)

Selain daripada mengurangkan ketidakupayaan yang ada pada seseorang kanak-kanak bermasalah pendengaran, program ini turut dikatakan dapat mengelakkan masalah sampingan lain seperti masalah emosi, sosial dan kognitif yang akan mengakibatkan bidang pembelajaran mereka terjejas (Mohd Zuri & Aznan, 2012; Anderson, 2011). Terdapat banyak kajian yang telah membuktikan faedah-faedah yang diperolehi melalui program intervensi awal ini kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran dan ahli keluarganya (Moeller, 2000; Rice & Lenihan, 2005).

Kanak-kanak yang menghadapi masalah pendengaran dikatakan akan menghadapi masalah perkembangan pemerolehan bahasa iaitu dari bidang tatabahasa dan pembendaharaan kata (Marschark, Sapere, Convertino, Mayer, Wauters, dan Sarchet, 2009), dan percakapan (Tobey, Geers, dan Brenner, 1993). Di samping itu, kehilangan deria pendengaran juga dikatakan akan membawa kesan yang ketara dalam perkembangan membaca (Mayer & Leigh, 2010). Bagi mengelakkan jurang perkembangan bahasa semakin besar dalam kalangan kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran dan kanak-kanak yang tipikal, maka program intervensi awal harus dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Selain daripada itu, program intervensi awal dikatakan penting juga bagi membantu perkembangan yang sempurna dalam bidang mental, emosi, dan sosial

seseorang kanak-kanak bermasalah pendengaran pada masa kini mahupun pada masa yang akan datang.

1.2 Pernyataan Masalah

Kanak-kanak bermasalah pendengaran selalu dikatakan akan menghadapi perkembangan yang lambat dalam bidang linguistik, kognitif, sosial dan emosi (Anderson, 2011). Walaupun terdapat pelbagai kajian yang telah dilaksanakan bagi motif untuk mencari kaedah yang sesuai dan dapat mengatasi masalah perkembangan bahasa dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran. Akan tetapi kaedah membantu perkembangan bahasa KTBM yang bersesuaian dengan budaya dan sistem pendidikan untuk kanak-kanak bermasalah pendengaran di negara Malaysia masih kurang (Amir Hamidi, 2009). Ini menyebabkan jurang perkembangan bahasa dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran dan kanak-kanak tipikal semakin jauh. Jurang tersebut bukan sahaja menimbulkan masalah komunikasi dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran, malahan mendatangkan kesan negatif dalam perkembangan kognitif dan sosial serta emosi mereka pada umur yang semakin meningkat.

Penggunaan bahasa isyarat sebagai alat komunikasi dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran telah lazim berlaku dalam aktiviti-aktiviti harian mereka. Pelbagai jenis bahasa isyarat telah digunakan dalam kalangan individu bermasalah pendengaran di dunia ini antaranya seperti Bahasa Isyarat Bayi, Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM), Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), Amerika Sign

Language (ASL), Sign Exact English (SEE), British Sign Language (BSL), dan sebagainya. Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji jenis dan kecenderungan penggunaan

KTBM terhadap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran yang berada di SKPK Kampung Baharu, Kuala Lumpur.

Terdapat pelbagai jenis bahasa isyarat yang dipraktikkan dalam komuniti bermasalah pendengaran di Malaysia. Antaranya seperti Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM), *America Sign Language* (ASL), dan *Sign Exact English* (SEE). Akan tetapi sebelum menguasai kemahiran untuk berisyarat BIM, KTBM, ASL atau SEE, bahasa isyarat bayi (Baby Sign Language) yang juga dikenali sebagai bahasa isyarat awal adalah penting bagi seseorang bayi yang normal pendengaran mahupun bayi yang menghadapi masalah pendengaran. Bahasa isyarat ini dikatakan harus diamalkan oleh ibu bapa untuk berkomunikasi dengan anak-anak yang masih berada di dalam peringkat bayi (Smith, 2012). Penguasaan bahasa isyarat awal dikatakan akan mempengaruhi perkembangan bahasa bagi kanak-kanak pada masa yang akan datang. Oleh itu, penyelidik akan mengkaji penguasaan bahasa isyarat KTBM di peringkat intervensi awal terhadap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran yang berumur 9 tahun di Malaysia.

Sementara itu, peranan ibu bapa dalam membantu perkembangan bahasa anak-anak mereka juga adalah penting. Sebagai seorang ibu dan bapa sudah menjadi kewajipan mereka untuk mendidik dan menyara anak-anak agar proses perkembangan mental dan fizikalnya dapat berkembang seperti kanak-kanak yang lain. Bagi ibu bapa yang baru dan pertama kali mendapat anak-anak yang mengalami bermasalah

pendengaran, adalah merupakan satu cabaran yang besar kepada mereka dalam menangani anak ini. Keadaan ini akan mendugakan ibu bapanya sekiranya tiada ahli

keluarga yang mempunyai masalah pendengaran mahupun pengalaman untuk bergaul dengan golongan yang bermasalah pendengaran. Bagi membantu anak-anak ini, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membuat keputusan terhadap program intervensi awal yang sesuai dan mengikut keperluan anaknya agar ketidakupayaan dapat dikurangkan. Berikutan keputusan program intervensi awal yang dibuat dan program yang dilaksanakan, perkembangan bahasa kanak-kanak dapat dikembangkan seperti kanak-kanak tipikal.

Selain daripada peranan yang dimainkan oleh ibu bapa kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran, perkongsian sokongan juga dikatakan akan berjaya dalam mendidik kanak-kanak bermasalah pendengaran. Perkongsian sokongan daripada pihak komuniti pekak dan sumber dari masyarakat tempatan adalah amat diperlukan. Kekurangan sokongan daripada pihak tersebut akan menyebabkan sistem pendidikan yang diperlukan oleh golongan bermasalah pendengaran tidak akan dikemaskinikan selalu. Langkah-langkah mengemaskinikan sistem pendidikan adalah diperlukan agar golongan bermasalah pendengaran dapat menyediakan diri untuk mengikuti aliran perkembangan yang diperlukan dan memenuhi keperluan permintaan pasaran dari semasa ke semasa seperti yang dihadapi oleh golongan yang normal pendengaran.

Kekurangan sokongan keluarga serta kerjasama daripada penjaga akan mendatangkan kesan negatif kepada program intervensi awal yang dilaksanakan kepada seseorang kanak-kanak bermasalah pendengaran. Menurut Desjardin (2006), sokongan keluarga serta kerjasama penjaga dalam pelaksanaan program intervensi

awal adalah bertujuan untuk memudahkan interaksi yang lebih baik dalam kalangan penjaga dan anak-anak mereka. Di samping itu, kekurangan sokongan keluarga akan menimbulkan masalah menyesuaikan tingkah laku kanak-kanak bermasalah pendengaran dengan kekuatan keluarganya. Kekurangan kerjasama daripada pihak penjaga juga akan menimbulkan masalah rasa tidak yakin dan cekap dalam kalangan ibu bapa terhadap pembelajaran semasa dan masa depan anak-anak mereka serta perkembangan seterusnya seperti perkembangan kemahiran bahasa. Sokongan ini dikatakan sebagai matlamat yang penting dalam pelaksanaan program intervensi awal serta diambil berat sewaktu merangka *Individual Family Service Plan* (IFSP) dan Rancangan Pengajaran Individu (IEP) (Desjardin, 2006).

Faktor kekurangan pakar-pakar yang terlatih juga merupakan salah satu masalah yang dihadapi dalam merangka dan melaksanakan program intervensi awal untuk bayi yang mengalami masalah pendengaran. Di antara pakar-pakar yang diperlukan adalah audiologi, terapi auditori-verbal, kaunseling keluarga, terapi pekerjaan dan fizikal, interaksi sensori, bahasa isyarat, pertuturan bahasa, dan sebagainya (Proctor, Niemeyer, & Compton, 2005). Selain daripada masalah kekurangan pakar-pakar yang terlatih, perkhidmatan yang ditawarkan oleh pakar-pakar tersebut hanya di sesetengah kawasan sahaja khasnya di sekitar bandar utama seperti Kuala Lumpur. Keadaan ini menambah kesukaran untuk keluarga yang ingin mendaftarkan anak-anak mereka dalam program intervensi awal kerana menghadapi masalah kewangan serta masalah pengangkutan. Ibu bapa bagi kanak-kanak ini mungkin akan mengambil keputusan untuk tidak menghantar anaknya untuk menyertai program tersebut. Sedangkan program intervensi awal adalah penting dalam membantu kanak-kanak bermasalah pendengaran untuk merapatkan jurang perbezaan

perkembangan mereka jika berbanding dengan kanak-kanak normal pendengaran yang sebaya dengan mereka serta mengurangkan kesan negatif terhadap perkembangan kognitif, sosial, emosi, komunikasi dan juga fizikal (Hasnah Toran dan Aliza Alias, 2004). Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kanak-kanak bermasalah pendengaran menguasai bahasa isyarat di peringkat intervensi awal.

Sungguhpun terdapat banyak kajian mengenai program intervensi awal khasnya dari luar negara, akan tetapi program kajian bahasa isyarat adalah kurang di dalam Negara Malaysia (Amir Hamidi, 2009). Keadaan ini menyebabkan ibu bapa menghadapi kekurangan sumber untuk dirujuk bagi menangani masalah yang dihadapi apabila melahirkan anak yang bermasalah pendengaran. Kekurangan sumber yang dirujuk serta jabatan yang dapat menghulurkan bantuan mungkin akan mengakibatkan ibu bapa membiarkan mahupun mengurungkan anak-anak ini daripada bercampur dunia luar dan juga mengelakkan tanggungan rasa malu yang akan dihadapi oleh keluarganya (Gonzales, 1994). Keadaan ini bukan sahaja tidak mendatangkan manfaat kepada kanak-kanak ini malahan akan menyebabkan kanak-kanak ini kehilangan peluang untuk menikmati kehidupan yang normal seperti orang ramai.

Selain itu, sebaran berita tentang program intervensi awal yang kurang berkesan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Keadaan ini ditujukan khas kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran yang tinggal di luar bandar atau kawasan pedalaman. Ini menyebabkan kehilangan peluang keemasan untuk kanak-kanak ini menjalankan program intervensi awal. Semakin lambat pelaksanaan program intervensi awal bagi seseorang kanak-kanak bermasalah pendengaran maka semakin sukar untuk kanak-kanak tersebut mengejar jejak tahap perkembangan bahasa kanak-

kanak tipikal. Kanak-kanak yang tidak menjalani program intervensi awal juga dikatakan sukar mengejar jejak tahap perkembangan bahasa kanak-kanak bermasalah pendengaran yang telah menjalani program intervensi awal pada peringkat yang lebih awal jika berbanding dengannya. Keadaan akan bertambah teruk sekiranya ibu bapa kanak-kanak ini beranggapan bahawa keadaan yang berlaku pada anaknya adalah disebabkan oleh perkembangan fizikal yang lambat. Lantaran itu, masalah ketidakupayaan kanak-kanak bukan sahaja tidak dapat diatasi, malahan bertambah teruk dalam proses perkembangannya dan menimbulkan kesan negatif pada masa depannya. Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji program intervensi awal yang membantu penguasaan bahasa isyarat dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran.

1.3 Kerangka Konseptual

Kerangka konsep yang dikemukakan ini merupakan kerangka konsep kajian dan andaian asas untuk mengarahkan dan mencadangkan cara-cara penyelidik untuk mengumpul dan mentafsir data. Kerangka konsep membolehkan penyelidik mengaitkan pengetahuan asas bagi kajian yang telah disumbangkan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini serta meningkatkan kesedaran mereka terhadap kepentingan data yang lebih luas. Selain daripada itu, kerangka ini juga berkecenderungan untuk membantu penyelidik untuk memperbaiki konsep, menilai andaian model dan menjawab persoalan kajian yang dikemukakan secara tidak langsung. Kerangka konsep tidak kekal dalam jangka masa yang panjang, ini disebabkan ia adalah terbuka kepada semakan (Neuman, 1998).

Dalam kajian ini model yang akan dijadikan panduan adalah Penimbulan

Perspektif Literasi (*Emergent Literacy Perspective*) (Teale dan Sulzby, 1989) dan Kemahiran Asas Yang Sama (*Common Underlying Proficiency*) (Cummins, 2001). Penimbulan Perspektif Literasi (*Emergent literacy perspective*) dikatakan sebagai kemahiran bahasa dan literasi yang dibangunkan secara serentak. Ia mengambil masa yang panjang iaitu sejak zaman bayi hingga ke tahun bermulanya pendidikan formal di sekolah. Penyelidik mengambil perspektif ini dalam kajian ini adalah kerana mendapati bahawa pengalaman awal adalah penting terhadap literasi dan bahasa. Kepentingan ini akan mendatangkan kesan kepada kejayaan literasi pada masa depan seseorang (Whitehurst dan Lonigan, 2001).

Sementara itu, Teale dan Sulzby (1989) juga mengakui bahawa orang dewasa memainkan peranan yang penting dalam memudahkan perkembangan ini. Orang dewasa khasnya kepada ibu bapa boleh melibatkan anak-anak mereka dalam literasi dan aktiviti bahasa sejak lahir lagi. Sebagai contoh aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan adalah membaca dengan kuat kepada anak-anak mereka. Penyelidik-penyelidik yang memfokus kepada bahasa dan perkembangan literasi turut menyokong kepada Penimbulan Perspektif Literasi (*Emergent Literacy Perspective*) (Williams, 2004). Kajian yang mengenai kanak-kanak bermasalah pendengaran akan menunjukkan satu persamaan iaitu perkembangan kanak-kanak bermasalah pendengaran dalam pendedahan awal kepada ASL (contohnya ibu bapa yang merupakan individu bermasalah pendengaran) serta perkembangan dalam pendengaran (Musselman, 2000). Mengadakan komunikasi yang berkualiti tinggi, bahasa akses yang penuh serta